

﴿ فهرست كتاب هداية المستفيد في علم التجويد ﴾

صفحة

خطبة الكتاب	١
مقدمة	٣
فصل في أحكام الاستعاذة والبسمة	٤
فصل في أحكام النون الساكنة والتنوين	
فصل في أحكام الميم الساكنة	
فصل في أحكام الميم والنون المشددين	
فصل في معرفة أل المعرفة الشمسية والقمرية	
فصل في أحكام اللام الواقع في الفعل	
فصل في أحكام الادغام	
فصل في أحكام المدود وأقسامها	
فصل في أحكام الراء	
فصل في بيان القلقلة	
فصل في بيان عدد مخارج الحروف	
فصل في بيان صفات الحروف	
فصل في بيان أقسام الوقف	
فصل في بيان الأمور المحرمة التي أبتدعتها القراء	
فصل في بيان التكبير وسببه وصيغته وابتدائه وانتهائه	

خاتمة في بيان أحوال السلف بعد ختم القرآن والدعاء الوارد عن النبي ﷺ

هداية المستفيد

في

أحكام التجويد

تأليف

الكامل الأديب والنقيب اللبيب السيد الشيخ

مُحَمَّد المحمود المشهور بأبي ريمه معلم

المدرسة التهذيبية في حماه المحمية

غفر الله له ولوالديه آمين

﴿ كَذَلِكَ لِنُثَبِّتَ بِهِ فُؤَادَكَ وَرَتَّلْنَاهُ تَرْتِيلًا ﴾

سورة الفرقان: ٣٢

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Kami memuji Allah swt yang telah memilih kami untuk pengajaran Al-Quran yang mulia * Selawat dan salam ke atas nabi saw yang menerima Al-Quran dari Yang Maha Bijaksana lagi Maha Mengetahui * dan juga ke atas keluarga dan para sahabatnya yang begitu bertajwid terhadap al Quran (Kitab yang jelas) * dan juga ke atas golongan yang mengikuti mereka dengan penuh kebaikan hingga hari kiamat (Adapun seterusnya)

Maka berkatalah hamba yang hina dan tidak berdaya: “Dia mengakui kekurangan * dan ditenggelami dalam lautan dosa * iaitu Muhammad al-Mahmud al-Najjar, yang dikenali sebagai Abu Rima, ketika saya sibuk dalam mendidik anak-anak dan mengajar mereka (al Quran) kalam Allah yang maha Tinggi. * Antara perkara pertama dalam ilmu tajwid ialah mengenal huruf-huruf al Quran * memperelokkan sebutannya * mengenal hukum Nun mati dan Tanwin* Mim mati dan bahagian-bahagiannya * Mengenal Mad, Waqaf dan bahagiannya * Makhraj huruf (tempat keluar huruf) dan sifat-sifatnya * dan lain-lain lagi * kitab-kitab tajwid yang ada sukar di fahami * sukar untuk kanak-kanak memahaminya * kerana minat mereka yang kurang * dan tidak peliklah apabila petang tersandung jagung * dan kanak-kanak tersedak susu dengan bijirin * lalu saya kutip dari kitab-kitab imam-imam dan ulama salaf * dan memetik dari gugusan risalah ulama khalaf menjadikannya satu risalah tentang ilmu Tajwid di atas tariqah Hafz mudah untuk dihafal dan difahami * berbentuk soal jawab * semua itu adalah setelah dihimpunkan buku tentang ilmu mendidik akhlak dan membesarkan anak

نَحْمَدُ اللَّهَ الَّذِي حَصَّنَا بِتَعْلِيمِ الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ * وَنُصَلِّي وَنُسَلِّمُ عَلَى مَنْ تَلَقَّى
الْقُرْآنَ مِنْ لَدُنْ حَكِيمٍ عَلِيمٍ * وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ الْمُجَوِّدِينَ لِلْكِتَابِ الْمُبِينِ *
وَالَّتَابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ ﴿أَمَّا بَعْدُ﴾

فَيَقُولُ الْعَبْدُ الدَّلِيلُ وَالْعَاجِزُ الْحَقِيرُ مَنْ بِالتَّقْصِيرِ مُعْتَرِفٌ * وَمِنْ بَحْرِ الْخَطَايَا
مُعْتَرِفٌ * مُحَمَّدٌ الْمَحْمُودُ التَّجَارُ الْمَشْهُورُ بِأَبِي رِيْمَةَ * لَمَّا اشْتَعَلَتْ بِصِنَاعَةِ
تَهْدِيْبِ الْأَطْفَالِ * وَتَعْلِيمِهِمْ كَلَامَ الْمَلِكِ الْمُتَعَالِ * وَكَانَ مِنْ أَهَمِّ مَا يُبْتَدَأُ بِهِ
تَجْوِيدُ حُرُوفِهِ * وَتَحْسِينُ أَلْفَاظِهِ * وَمَعْرِفَةُ أَحْكَامِ التَّوْنِ السَّاكِنَةِ وَالتَّنْوِينِ *
وَالْمِيمِ السَّاكِنَةِ وَأَقْسَامِهَا * وَمَعْرِفَةُ الْمَدِّ وَالْوَقْفِ وَأَقْسَامِهَا * وَمَخَارِجِ حُرُوفِهِ
وَصِفَاتِهَا * وَغَيْرِ ذَلِكَ * وَكَانَتْ كُتُبُ التَّجْوِيدِ صَعْبَةً الْمَأْخُذِ * يَصْعَبُ تَنَاوُلُهَا
عَلَى الْأَطْفَالِ * لِرِغْبَتِهِمْ الْقَلِيلَةِ * وَلَا عَجَبَ إِذِ الْأَعْيَشَى يَتَعَثَّرُ بِالذَّرَّةِ * وَالطِّفْلُ
يَعْصُ مِنَ اللَّبَنِ بِالذَّرَّةِ * فَعَنَّ لِي أَنْ أَقْتَطِفَ مِنْ كُتُبِ الْأَيْمَةِ الْعُلَمَاءِ السَّلَفِ *
وَأَخْتَطِفَ مِنْ عُقُودِ رَسَائِلِ جَهَابِذَةِ الْفَضْلَاءِ الْخَلْفِ رِسَالَةً فِي عِلْمِ التَّجْوِيدِ عَلَى
طَرِيقَةِ حَفْصِ سَهْلَةِ الْحِفْظِ وَالْمَأْخُذِ * عَلَى طَرِيقِ السُّؤَالِ وَالْجَوَابِ * وَذَلِكَ بَعْدُ
جَمْعِي كِتَابًا فِي عِلْمِ تَهْدِيْبِ الْأَخْلَاقِ وَتَرْبِيَةِ الْأَطْفَالِ *

* dan dihimpunkan risalah tentang ilmu tauhid dan ilmu fiqh, yang merupakan fardu ain ke atas setiap mukalaaf semasa saya mengajar Kanak-kanak selepas saya berhenti daripada menjadi guru sekolah rendah dan saya membuka sekolah swasta

* Maka saya kumpulkan risalah ini yang diveduk dari kitab-kitab imam-imam yang terkenal dalam bidang ini dan menyusunnya bermula dengan pendahuluan, 15 bab dan penutup * Kami memohon kepada Allah Yang Maha Esa. agar diberikan kesudahan yang baik - dan saya menamakannya ("Hidaya Al-Mustafaqi" berkenaan ilmu Tajwid) untuk pelajar sekolah Al-Tahzib * Semoga Allah tidak memasukkannya ke sudut kelalaian * dan setiap pelajar mendapat manfaat daripadanya untuk perbaiki maqal * Allah swt mampu melakukan apa yang Dia kehendaki * dan dengan menerima permintaan, Dia adalah yang paling layak * Saya berharap saudara-saudara akan ingatkan saya pada beberapa ketika * dengan doa yang baik * dan mereka yang telah melihat tersungkur kerana kaki tergelincir * atau Pena yang tersilap *agar menjauhi keburukan dengan melakukan perkara yang baik, kerana jenis manusia *jarang terlepas dari kealpaan dan kelupaan* dan sesiapa yang memberi alasan akan dimaafkan oleh orang yang mulia* dan demi Allah saya memohon* dan Demi Nabi yang mulia saya bertawasul (memohon) * agar menjadikannya ikhlas kerana Allah swt * dan menjadi sebab untuk memperolehi taman-taman syurga dan memberi manfaat yang besar * Setiap orang yang menerimanya dengan hati yang sejahtera * dan memberi manfaat kepadaku dengannya pada hari di mana harta dan anak-anak tidak akan mendapat manfaat melainkan mereka yang datang kepada Allah dengan hati yang suci * Cukuplah Allah bagi kita dan Dialah sebaik-baik tempat berserah diri * dan tiada daya atau kekuatan melainkan dengan Allah Yang Maha Tinggi, lagi Maha Agung, dan selawat dan salam ke atas junjungan kita nabi Muhammad saw, keluarganya dan para sahabatnya.

وَجَمْعِي رِسَالَةً فِي عِلْمِي التَّوْحِيدِ وَالْفِقْهِ اللَّذَيْنِ هُمَا فَرَضًا عَيْنٍ عَلَى كُلِّ مُكَلَّفٍ
أَثْنَاءَ اشْتِغَالِي بِتَعْلِيمِ الْأَطْفَالِ بَعْدَ اسْتِعْفَائِي مِنْ مُعَلِّمِيَّةِ الْمَكْتَبِ الْإِبْتِدَائِيِّ
وَأَفْتِحَاحِي مَدْرَسَةَ خُصُوصِيَّةٍ * فَجَمَعْتُ هَذِهِ الرِّسَالَةَ مِنْ كُتُبِ الْأَيْمَةِ الْمُعْوَلِ
عَلَيْهَا فِي هَذَا الشَّانِ وَرَتَّبْتُهَا عَلَى مُقَدِّمَةٍ وَحَمْسَةِ عَشَرَ فَصَلًا وَخَاتِمَةٍ * نَسَأَلُهُ
تَعَالَى حُسْنَ الْخَاتِمَةِ - وَسَمَّيْتُهَا ﴿هُدَايَةَ الْمُسْتَفِيدِ﴾ * فِي عِلْمِ التَّجْوِيدِ ﴿
لِتَلَامِدَةِ مَدْرَسَةِ التَّهْدِيدِ﴾ * رَاجِيًا مِنَ اللَّهِ أَنْ لَا يَجْعَلَهَا مَطْرُوحَةً فِي زَوَايَا
الْإِهْمَالِ * وَأَنْ يَنْفَعَهَا بِهَا كُلَّ طَالِبٍ تَحْسِينِ الْمَقَالِ * إِنَّهُ عَلَى مَا يَشَاءُ قَدِيرٌ *
وَبِالْإِجَابَةِ جَدِيرٌ * وَإِنِّي لِأَرْجُو مِنَ الْإِخْوَانِ أَنْ يَذْكُرُونِي فِي بَعْضِ الْأَوْقَاتِ *
بِصَالِحِ الدَّعَوَاتِ * وَمِمَّنْ اطَّلَعَ عَلَى عَثْرَةٍ زَلَّتْ بِهَا الْقَدَمُ * أَوْ هَفَا بِهَا الْقَلَمُ *
أَنْ يَدْرَأَ بِالْحَسَنَةِ السَّيِّئَةَ فَإِنَّ نَوْعَ الْإِنْسَانِ * قَلَّمَا أَنْ يَحْلُوَ عَنِ السَّهْوِ وَالتَّسْيَانِ
* وَمَنْ أَلْفَى مَعَاذِيرَهُ يَكُونُ عِنْدَ كِرَامِ النَّاسِ مَعْدُورًا * وَاللَّهُ الْكَرِيمَ أَسْأَلُ * وَبِحَاثِ
النَّبِيِّ الْكَرِيمِ أَتَوَسَّلُ * أَنْ يَجْعَلَهَا خَالِصَةً لِرُوحِهِ الْكَرِيمِ * وَسَبَبًا لِلْفَوْزِ بِجَنَّاتِ
النَّعِيمِ وَيَنْفَعَهَا بِهَا النَّفْعَ الْعَمِيمِ * كُلُّ مَنْ تَلَقَّهَا بِقَلْبٍ سَلِيمٍ * وَيَنْفَعَنِي بِهَا يَوْمَ لَا
يَنْفَعُ مَالٌ وَلَا بَنُونَ إِلَّا مَنْ آتَى اللَّهَ بِقَلْبٍ سَلِيمٍ * وَحَسْبُنَا اللَّهُ وَنِعْمَ الْوَكِيلُ *
وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ ، وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ
وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ.

PENDAHULUAN

S- Apakah pengertian ilmu tajwid dari sudut bahasa dan istilah?

J- **Tajwid** dari sudut **bahasa** adalah mendatangkan kebaikan (memperelokkan dan memperindahakan)

Dari sudut **istilah** adalah ilmu untuk mengetahui cara menunaikan hak setiap huruf¹ dan sifat yang mendatang² seperti sifat-sifatnya, panjangnya dan lain-lain lagi seperti tipis dan tebal huruf.

S- Apakah tujuan mempelajari ilmu tajwid?

J- Tujuannya adalah supaya dapat membaca ayat al-Quran secara betul; sesuai dengan yang diajarkan oleh Rasulullah SAW yang fasih.

Pendapat lain mengatakan Tujuannya supaya dapat memelihara lisan dari kesalahan ketika membaca al-Quran

S- Apakah hukum mempelajari ilmu Tajwid?

J- Ilmu Tajwid itu tidak ada perselisihan ulamak tentang hukum mempelajarinya adalah fardu kifayah tetapi beramal denganya ketika membaca al Quran adalah fardu ain ke atas setiap mukallaf sama ada lelaki atau perempuan.

مُقَدِّمَةٌ

س: مَا حَقِيقَةُ التَّجْوِيدِ لُغَةً وَاصْطِلَاحًا؟

ج: التَّجْوِيدُ لُغَةً: الْإِتْيَانُ بِالْجَيِّدِ. وَاصْطِلَاحًا: عِلْمٌ يُعْرَفُ بِهِ إِعْطَاءُ كُلِّ حَرْفٍ حَقَّهُ، وَمُسْتَحَقَّهُ مِنَ الصِّفَاتِ وَالْمُدُودِ وَغَيْرِ ذَلِكَ كَالْتَرْقِيقِ وَالتَّفْخِيمِ وَنَحْوَهُمَا.

س: مَا غَايَةُ عِلْمِ التَّجْوِيدِ؟

ج: غَايَتُهُ بُلُوغُ النَّهَائِيَةِ فِي إِتْقَانِ لَفْظِ الْقُرْآنِ عَلَى مَا تُلْفِيهِ مِنَ الْحَضْرَةِ النَّبَوِيَّةِ الْأَفْصَحِيَّةِ. وَقِيلَ: غَايَتُهُ صَوْنُ اللِّسَانِ عَنِ الْخَطَأِ فِي كِتَابِ اللَّهِ تَعَالَى.

س: مَا حُكْمُ الشَّارِعِ فِي عِلْمِ التَّجْوِيدِ؟

ج: التَّجْوِيدُ لَا خِلَافَ فِي أَنَّهُ فَرَضٌ كِفَايَةٌ وَالْعَمَلُ بِهِ فَرَضٌ عَيْنٌ عَلَى كُلِّ مُسْلِمٍ وَمُسْلِمَةٍ مِنَ الْمُكَلَّفِينَ.

¹ (حق الحروف) Sifat yang lazim bagi sesuatu huruf seperti sifat jahr, syiddah dan sebagainya

² (مستحق الحروف) Sifat mendatang yang muncul dari sifat huruf itu sendiri seperti sifat tebal, tipis, izhar, idgham, iqlab dan sebagainya

FASAL : HUKUM ISTI'ADZAH DAN BASMALAH

S- Apabila seseorang membaca Isti'azah³, basmalah⁴ dan surah⁵, berapakah bentuk bacaannya?

J- Ada 4 bentuk bacaannya:

1. Memutus bacaan (berhenti) pada setiap daripada perkara tersebut (isti'azah, bismillah dan surah).
2. Menyambung bacaan bismillah dengan surah sahaja
3. Menyambung bacaan isti'adzah dengan basmalah
4. Menyambung bacaan pada setiap daripada perkara tersebut (isti'azah, bismillah dan surah).

S- Apabila seorang membaca basmalah diantara dua surat, berapakah bentuk bacaannya?

J- Ada 4 bentuk bacaannya: 3 bentuk bacaan yang dibenarkan dan 1 bentuk bacaan yang tidak dibenarkan.

Pertama: Memutus / mewaqqofkan semuanya.

Kedua: Menyambung basmalah dengan surat

Ketiga: Menyambung semuanya.

Manakala satu bentuk yang tidak dibenarkan adalah menyambung akhir surat dengan basmalah, kemudian waqof dan memulakan dengan perkataan selepas basmalah

Sebab tidak dibenarkan perkara tersebut kerana akan menimbulkan anggapan bahwa basmalah termasuk akhir surah tersebut

فَصْلٌ فِي أَحْكَامِ الْإِسْتِعَاذَةِ وَالْبَسْمَلَةِ

س: إِذَا أَتَى الْقَارِئُ بِالْإِسْتِعَاذَةِ وَالْبَسْمَلَةِ وَالسُّورَةِ فَكَمْ وَجْهًا فِيهَا؟

ج: فِيهَا أَرْبَعَةٌ أَوْجُهٌ: قَطْعُ الْجَمِيعِ، وَوَصْلُ الْبَسْمَلَةِ بِالسُّورَةِ فَقَطْ، وَوَصْلُ الْإِسْتِعَاذَةِ بِالْبَسْمَلَةِ فَقَطْ، وَوَصْلُ الْجَمِيعِ

س: إِذَا أَتَى الْقَارِئُ بِالْبَسْمَلَةِ بَيْنَ السُّورَتَيْنِ، فَكَمْ وَجْهًا فِيهَا؟

ج: فِيهَا أَرْبَعَةٌ أَوْجُهٌ: ثَلَاثَةٌ أَوْجُهٍ جَائِزَةٌ، وَوَاحِدٌ غَيْرُ جَائِزٍ. أَمَّا الثَّلَاثَةُ الْجَائِزَةُ،

فَالْأَوَّلُ: مِنْهَا قَطْعُ الْكُلِّ،

وَالثَّانِي: وَصْلُ الْبَسْمَلَةِ فِي أَوَّلِ السُّورَةِ،

وَالثَّالِثُ: وَصْلُ الْكُلِّ.

وَأَمَّا غَيْرُ الْجَائِزِ فَهُوَ مَا إِذَا وُصِلَ آخِرُ السُّورَةِ بِالْبَسْمَلَةِ وَوُقِفَ وَابْتَدِيَ بِمَا بَعْدَهَا.

وَوَجْهُ عَدَمِ جَوَازِهِ: أَنَّهُ يُوهِمُ أَنَّ الْبَسْمَلَةَ مِنْ آخِرِ السُّورَةِ.

³ (أعوذ بالله من الشيطان الرجيم)

⁴ (بسم الله الرحمن الرحيم)

⁵ (ayat pertama dalam sesuatu surah)